



## SIARAN MEDIA

### KERAJAAN MADANI SALURKAN RM47.44 JUTA UNTUK PENDUDUK TELUK INTAN

---

**TELUK INTAN, 11 APRIL 2026** – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming hari ini meneruskan siri **Jelajah Sentuhan Kasih KPKT Tahun 2026 di Teluk Intan, Perak** dengan meninjau lapan (8) projek utama serta mengumumkan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM47.44** juta demi kesejahteraan rakyat setempat.

Daripada jumlah tersebut, **RM6.87 juta** merupakan peruntukan oleh **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**, manakala **RM40.5 juta** melibatkan projek **pembangunan di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Bahagia dan Sekolah Kebangsaan Kampung Bahagia** di bawah seliaan **Kementerian Pendidikan Malaysia**. **Selain itu**, sebanyak **RM72,000** turut diperuntukkan oleh Pejabat Ahli Parlimen Teluk Intan bagi manfaat **24 buah masjid di kawasan Parlimen ini**, khususnya bagi kebajikan masyarakat Islam setempat.

Pengumuman ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memastikan pembangunan yang inklusif dan menyeluruh, merangkumi aspek infrastruktur, perumahan serta kesejahteraan komuniti.

Peruntukan KPKT sebanyak **RM6,874,400 (RM6.87 juta)** adalah meliputi skop pembangunan seperti berikut :

- i. **RM4,240,000** untuk Projek Infrastruktur dan Kemudahan Awam oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), melibatkan 10 projek utama, antaranya adalah seperti berikut:
  - a) Naik taraf lampu jalan LED di Jalan Changkat Jong dan Pekan Teluk Intan;
  - b) Baik pulih jalan di Taman Impiana dan Jalan Pasir Bedamar;
  - c) Naik taraf longkang dan turapan jalan di Taman Seri Setia; dan
  - d) Penaiktarafan tandas awam bertaraf 'BMW' di Terminal Intan.

- ii. **RM1,200,000** bagi pembinaan 16 unit Rumah Mesra Rakyat (RMR) oleh SPNB;
- iii. **RM500,000** untuk naik taraf landskap di Taman Zahari Zabidi oleh Jabatan Landskap Negara;
- iv. **RM454,400** bagi kerja naik taraf Balai Bomba dan Penyelamat Teluk Intan (fasa pelaksanaan, kos keseluruhan RM8.32 juta);
- v. **RM300,000** bagi fasa awal Projek Residensi Rakyat (PRR) Teluk Intan (kos keseluruhan RM96 juta);
- vi. **RM100,000** bagi penyelenggaraan loji rawatan kumbahan di PPR Pangsapuri Laksamana Amanjaya dan Rumah Pangsa Jalan Laksamana; dan
- vii. **RM80,000** untuk Program Baik Pulih Rumah di Bandar melibatkan 4 unit rumah.

Dalam lawatan ini, **YB Menteri turut meninjau beberapa projek berimpak tinggi** kepada komuniti termasuk:

- i. SMK Kampung Bahagia;
- ii. Projek RMR di Mukim Durian Sebatang;
- iii. Taman Rekreasi MADANI di Taman Indah Jaya 2 dan Taman Teluk Intan;
- iv. PPR Pangsapuri Laksamana Amanjaya (penyelenggaraan lif dan kemudahan);
- v. Tandas Awam Glutton Square Baru; dan
- vi. Arca Udang Delta Intan di Taman Riverfront

Siri Jelajah Sentuhan Kasih ini diakhiri dengan **Majlis Sentuhan Kasih Aidilfitri**, di mana YB Menteri turut menyampaikan *mock cheque* kepada dua (2) penerima Program Baik Pulih Rumah serta simbolik penyerahan keseluruhan peruntukan Sentuhan Kasih 2026 kepada Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI).

KPKT berharap semua projek yang diluluskan dapat dilaksanakan dengan segera, telus dan berimpak tinggi demi memastikan kesejahteraan rakyat terus diperkasa selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

#MalaysiaMADANI  
#Kesejahteraan  
#StrongerTogether  
#DemiPertwi  
#UnityInDiversity  
#RancarkanMADANI

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my